



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

MODIFIKASI MODUL PENGAJARAN TEKNIK TONGKAT PUTIH DALAM MENGIKUKUHKAN KEMAHIRAN ORIENTASI DAN MOBILITI ORANG KURANG UPAYA (OKU) PENGLIHATAN



05-4506832



WAQIN HIDAYAT BIN ABD RAHIM



ptbupsi

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**MODIFIKASI MODUL PENGAJARAN TEKNIK
TONGKAT PUTIH DALAM MENGIKUKUHKAN
KEMAHIRAN ORIENTASI DAN MOBILITI
ORANG KURANG UPAYA (OKU)
PENGLIHATAN**

WAQIN HIDAYAT BIN ABD RAHIM



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN KHAS)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UPSIIPS-380-32
Page 10 out 1/1

Bila tanda (✓)
 Kertas Projek
 Sarjana Penyelidikan
 Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
 Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 08 (hari bulan), 05 (bulan) 2023.

I. Perakuan pelajar:

Saya, WAGIH HIDAYAT BIN ABD RAHIM, MWB161000371, FPM (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk MODIFIKASI MODUL PENGAJARAN TEKNIK TONGKAT PUTIH DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN ORIENTASI DAN MOBILITI ORANG KURANG UPAYA (OKU) PENGETAHUAN

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

II. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. KWAI YENG HOCK (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk MODIFIKASI MODUL PENGAJARAN TEKNIK TONGKAT PUTIH DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN ORIENTASI DAN MOBILITI ORANG KURANG UPAYA (OKU) PENGETAHUAN (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN EHAS) (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

25/3/2023

Tarikh

Tandatangan Penyelia



UPSI/IPS-3/BO 31
Pind.: 01 m/s:1/1UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
سultan idris education universityINSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIESBORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title:

MODIFIKASI MODUL PENGAJARAN TEKNIK TONGKAT
PUTIH DALAM MENGGUNAKAN KEMAHIRAN ORIENATASI DAN
MOBILITI ORANG KURANG UPASA (OKU) PENGLIHATAN

No. Matrik / Matric's No.:

M20161000371

Saya / I :

WAGIN HIDATAT BIN ABD RAHIM

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajaran Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-



SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau
kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia
Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official
Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh
organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains
restricted information as specified by the organization where research
was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)Tarikh: 15/10/2024DR KWAY ENG HOCK
Cetak Sabtuai Pendidikan Khas
Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasih

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi di atas limpah kurnia dan rahmat-Nya, dapat saya menyempurnakan disertasi ini dalam masa yang ditetapkan.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Dr.Kway Eng Hock yang telah banyak membantu, membimbing, memberi tunjuk ajar, komentar serta dorongan kepada saya dalam melaksanakan dan menyiapkan kajian yang telah dijalankan.

Selain itu, ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu, bapa serta isteri yang telah banyak berkorban tenaga dan memberi sekongan sehingga saya berjaya menyiapkan kajian ini. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan di Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia (MAB) yang turut memberikan pandangan serta idea dalam proses menyiapkan kajian ini. Akhir sekali, semoga dengan sekongan dan dorongan daripada semua pihak ini dapat memberikan semangat kepada saya untuk terus berjaya dalam bidang yang diceburi. Terima kasih semua. Moga Allah sahaja yang dapat membala budi kalian.

Sekian, terima kasih.

Waqin Hidayat Bin Abd Rahim





ABSTRAK

Kajian kualitatif ini bertujuan untuk menguji keberkesanan Modifikasi Modul Pengajaran Kemahiran Teknik Tongkat Putih dalam mengukuhkan kemahiran Orientasi dan Mobiliti OKU Penglihatan. Kajian ini telah dijalankan di dua buah sekolah dan melibatkan empat orang peserta dimana setiap sekolah terdapat dua orang peserta. Peserta terdiri daripada dua orang guru pendidikan khas yang mengajar murid bermasalah penglihatan dan dua orang murid bermasalah penglihatan yang berumur 12 dan 14 tahun. Kajian menggunakan tiga jenis kaedah pengumpulan data iaitu kaedah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Data pemerhatian digunakan sebagai asas kepada dapatan kajian manakala data temu bual dan analisis dokumen digunakan untuk menyokong data pemerhatian. Analisis dapatan kajian menunjukkan bahawa guru dapat memahami dan menerangkan kepada murid dengan baik tentang isi kandungan yang telah dinyatakan. Guru juga dapat meningkatkan lagi pengetahuan mereka melalui teknik tongkat yang dinyatakan kerana terdapat teknik tongkat yang baru bagi mereka. Murid dilihat dapat memahami penerangan yang disampaikan oleh guru. Murid juga dapat menggunakan teknik tongkat yang sesuai di tempat yang dinyatakan. Murid dapat melakukan aktiviti yang dinyatakan dengan baik namun begitu terdapat beberapa teknik tongkat yang masih memerlukan masa untuk menguasainya. Kajian ini menunjukkan bahawa Modifikasi Modul Pengajaran Teknik Tongkat Putih yang dilakukan dapat meningkatkan lagi kefahaman guru dalam mengajar kemahiran teknik tongkat putih kepada murid dan seterusnya dapat membantu murid untuk menguasai kemahiran teknik tongkat putih.





MODIFICATION MODULE OF TEACHING WHITE CANE TECHNIQUES TO IMPROVED THE ORIENTATION AND MOBILITY OF THE VISUALLY IMPAIRED

ABSTRACT

This qualitative research aim is to test the effectiveness of Modification Module of Teaching White Cane Techniques to improved the Orientation and Mobility of the visually impaired. This research was conducted in two schools with two students from each school. The participants were two teachers who are assigned to teach the visually impaired students and two visually impaired students aged 12 and 14. This research was based on three methods of data collection that is through observation, interview and analysis document. The main collection of data was based on observation and these data was supported by the data from the interview and document analysis. The finding research analysis shows that the teachers understand the contents and are able to make the students understand. The teachers are able to improved their knowledge on the techniques used for the visually impaired. The students were also able to understand these techniques which were taught to them. Through these understanding, the students were able to use suitable techniques at a given location. The students were able to carry out the activity well. Despite that, there are still certain techiques which they need time to master. This research shows that Modification Module of Teaching White Cane Techniques has given a good understanding about the techniques to the teachers and the students are able to master the white cane techniques.





KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGESAHAN	i
PENYERAHAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Penyataan Masalah	6
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Persoalan Kajian	8
1.6 Kerangka Konseptual Kajian	9
1.7 Kepentingan Kajian	12





1.8	Batasan Kajian	13
1.9	Definisi Operasional	13
1.9.1	Modifikasi Modul	13
1.9.2	Teknik Tongkat Putih	14
1.9.3	Orientasi dan Mobiliti	14
1.9.4	Orang Kurang Upaya (OKU) Penglihatan	15
1.10	Rumusan	

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	17
2.2	Definisi Masalah Penglihatan	18
2.3	Orientasi dan Mobiliti	22
2.4	Kemahiran di Dalam Orientasi dan Mobiliti	24
2.5	Perkaitan Antara Masalah Penglihatan Dengan Orientasi dan Mobiliti	26
2.6	Model Pembangunan Modul	29
2.6.1	Modul Pengajaran	29
2.6.2	Model Pembinaan Modul	30
2.7	Rumusan	32

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	33
3.2	Reka Bentuk Kajian	34





3.3	Sampel dan Lokasi Kajian	35
3.3.1	Ciri-ciri Pemilihan Sampel	36
3.4	Instrumen Pengumpulan Data Kajian	38
3.4.1	Kaedah Pemerhatian	38
3.4.2	Kaedah Temu Bual	39
3.4.2.1	Temu bual Bersama Guru	40
3.4.2.2	Temu bual Bersama Murid	40
3.4.3	Analisis Dokumen	41
3.5	Modifikasi Modul Pengajaran Teknik Tongkat Putih	42
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian	44
3.7	Prosedur Kajian	48
3.8	Kaedah Menganalisis Data	52
3.8.1	Analisis Data Pemerhatian	52
3.8.1.1	Merakam dan Merekod Peristiwa	52
3.8.1.2	Menganalisis Senarai Semak Pemerhatian	53
3.8.2	Kaedah Temu Bual Separa Struktur	53
3.8.3	Analisis Dokumen	57
3.8.4	Triangulasi Kajian	58
3.9	Rumusan	60



**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pendahuluan	61
4.2	Latar Belakang Peserta Kajian	62
4.3	Pengekodan Data Peserta Kajian Utama dan Peserta Kajian Tambahan	63
4.4	Tema	67
4.5	Penganalisisan Data	68
4.5.1	Pegangan Tongkat	68
4.5.1.1	Penganalisisan Data PKU1 dan PKT1	68
4.5.1.2	Penganalisisan Data PKU2 dan PKT2	72
4.5.2	Teknik Tongkat di Kawasan Terbuka (<i>outdoor</i>)	76
4.5.2.1	Penganalisisan Data PKU1 dan PKT1	77
4.5.2.2	Penganalisisan Data PKU2 dan PKT2	83
4.5.3	Teknik Tongkat di Kawasan Tertutup (<i>indoor</i>)	87
4.5.3.1	Penganalisisan Data PKU1 dan PKT1	88
4.5.3.2	Penganalisisan Data PKU2 dan PKT2	93
4.5.4	Pembetulan Sewaktu Berjalan (<i>Recovery Sidewalk</i>)	97
4.5.4.1	Penganalisisan Data PKU1 dan PKT1	98
4.5.4.2	Penganalisisan Data PKU2 dan PKT2	102
4.6	Keberkesanan Modifikasi Modul Pengajaran Teknik Tongkat Putih Dalam Meningkatkan Konsep Kendiri OKU Penglihatan	106
4.7	Rumusan	109



**BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	111
5.2	Rumusan Kajian	112
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	114
5.3.1	Pemahaman Guru dan Murid Terhadap Modifikasi Modul Pengajaran Teknik Tongkat Putih	114
5.3.2	Keberkesanan Pengajaran Teknik Tongkat Putih Berdasarkan Tempat	115
5.3.3	Keupayaan Modifikasi Modul Pengajaran Teknik Tongkat Putih Dalam Meningkatkan Konsep Kendiri OKU Penglihatan	17
5.4	Kritikan Terhadap Modul Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Orientasi & Mobiliti	119
5.4.1	Kekuatan Modul	120
5.4.2	Kelemahan Modul	120
5.5	Implikasi Kajian	122
5.5.1	Implikasi Kepada Guru	123
5.5.2	Implikasi Kepada Ibu Bapa	124
5.5.3	Implikasi Kepada Penggubal Dasar	125
5.6	Masalah dalam Menjalankan Kajian	126
5.7	Sumbangan dapatan Kajian	127
5.8	Cadangan Untuk Kajian Selanjutnya	128
5.9	Kesimpulan	130





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xi

RUJUKAN	131
LAMPIRAN	139



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1	Tahap Kefungsian Visual Menurut WHO
3.2	Kandungan Modifikasi Modul Pengajaran Teknik Tongkat Putih
3.3	Cadangan Penambahbaikan Oleh Pakar Rujuk
4.1	Pengekodan Data
4.2	Pemerhatian Aktiviti Pegangan Tongkat PKU1 Dan PKT1
4.3	Pemerhatian Aktiviti Pegangan Tongkat PKU2 Dan PKT2
4.4	Pemerhatian Aktiviti Teknik Tongkat di Kawasan Terbuka (<i>Outdoor</i>) PKU1 dan PKT1
4.5	Pemerhatian Aktiviti Teknik Tongkat di Kawasan Terbuka (<i>outdoor</i>) PKU2 dan PKT2
4.6	Pemerhatian Aktiviti Teknik Tongkat di Kawasan Tertutup (<i>Indoor</i>) PKU1 dan PKT1
4.7	Pemerhatian Aktiviti Teknik Tongkat di Kawasan Tertutup (<i>Indoor</i>) PKU2 dan PKT2
4.8	Pemerhatian Aktiviti Pembetulan Sewaktu Berjalan (<i>Recovery Sidewalk</i>) PKU1 dan PKT1
4.9	Pemerhatian Aktiviti Pembetulan Sewaktu Berjalan (<i>Recovery Sidewalk</i>) PKU2 dan PKT2





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	11
2.1 Model Pembinaan Modul Sidek Mohd Noah	30
3.1 Carta Aliran Prosedur Kajian	52
3.2 Carta Aliran Proses Analisis Data	56





SENARAI SINGKATAN

BPPDP Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan

CBM *Christoffel Blinden Mission*

DS Dokumen Standard

FPM Fakulti Pembangunan Manusia

JKM Jabatan Kebajikan Masyarakat

KAIMal Kemahiran Asas Individu Masalah Penglihatan

KKM Kementerian Kesihatan Malaysia

KPM Kementerian Pendidikan Malaysia



NGO Badan Bukan Kerajaan

OKU Orang Kurang Upaya

WHO *World Health Organization*





SENARAI LAMPIRAN

Muka Surat

A	Modifikasi Modul Pengajaran Teknik Tongkat Putih	139
B	Senarai Semak Pemerhatian (Guru)	175
C	Senarai Semak Pemerhatian (Murid)	181
D	Soalan Temu Bual Separa Struktur (Guru)	187
E	Soalan Temu Bual Separa Struktur (Murid)	189
F	Surat Kelulusan Menjalankan Kajian oleh JPN Perak	191
G	Surat Kelulusan Menjalankan Kajian (EPRD)	192
H	Panel Penilai Kesahan Kandungan	193
I	Borang Persetujuan Termaklum Peserta Kajian	196





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Orientasi dan Mobiliti merupakan salah satu subjek yang penting dan perlu dipelajari oleh OKU penglihatan. Subjek ini merangkumi aspek yang terdiri daripada kemahiran seseorang bermasalah penglihatan untuk bergerak, penggunaan deria, kebolehan menggunakan motor halus dan kasar, dan pelbagai lagi. Secara khususnya, orientasi





bermaksud satu proses yang menggunakan deria yang masih ada bagi seseorang itu untuk menetap atau menentukan kedudukan atau perhubungannya dengan objek-objek yang penting di sekelilingnya manakala mobiliti pula bermaksud kesanggupan, kesediaan dan kebolehan untuk bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain dengan yakin, selamat dan selesa.

Secara amnya, kajian ini akan cuba melakukan penambahbaikan di dalam modul Orientasi dan Mobiliti yang sedia ada pada masa kini. Melalui pembacaan dan pemerhatian yang telah dibuat, mungkin hanya terdapat dua modul yang digunakan di Malaysia pada masa kini. Dua modul tersebut telah dibangunkan oleh Kementerian

Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).



Bagi Kementerian Pendidikan Malaysia, modul ini dibangunkan untuk kegunaan guru-guru Pendidikan Khas khususnya yang mengajar murid-murid bermasalah penglihatan di sekolah. Jika diteliti dalam Dokumen Standard (DS) Kurikulum Sekolah Rendah Buku Teks Kemahiran Asas Individu Masalah Penglihatan (KAIMal), hanya terdapat sebuah bab kecil sahaja dalam menerangkan penggunaan tongkat putih kepada murid yang mengalami masalah penglihatan.

Manakala, bagi Kementerian Kesihatan Malaysia pula, modul Orientasi dan Mobiliti dibangunkan untuk kegunaan jurupulih carakerja dalam membantu klien





mereka menghadapi kehidupan selepas mengalami masalah dalam penglihatan. Kedua-dua modul yang dibangunkan mempunyai persamannya kerana ia berfokuskan cara untuk melatih dan meningkatkan kemahiran Orientasi dan Mobiliti golongan OKU penglihatan namun hanya klien yang berbeza.

1.2 Latar Belakang Kajian

Menurut Akta Orang Kurang Upaya (2008), dinyatakan bahawa kerajaan dan penyedia pendidikan swasta hendaklah mengambil langkah yang sesuai untuk membolehkan orang dan kanak-kanak kurang upaya mempelajari kemahiran hidup dan pembangunan sosial bagi memudahkan penyertaan penuh dan setara mereka dalam pendidikan. Hal ini termasuk juga dalam proses memudahkan aktiviti pembelajaran braille, skrip alternatif, kaedah augmentatif dan alternatif, cara dan format komunikasi dan kemahiran Orientasi dan Mobiliti. Hal ini menunjukkan bahawa kemahiran Orientasi dan Mobiliti dilihat sebagai suatu kemahiran yang penting dan perlu diberikan penekanan dan dalam masa yang sama ia perlu selari dengan peredaran zaman.

Orientasi dan Mobiliti merupakan satu kemahiran yang perlu dipelajari oleh OKU penglihatan. Tujuan latihan Orientasi dan Mobiliti diberikan adalah untuk mempersiapkan OKU penglihatan untuk bergerak di dalam pelbagai jenis persekitaran





sama ada yang sudah biasa atau tidak di samping meningkatkan lagi kemahiran bergerak supaya lebih selamat dan selesa. Secara umumnya, kemahiran Orientasi dan Mobiliti mempunyai beberapa aspek yang dipelajari oleh OKU penglihatan antaranya Teknik Pemandu Celik, Kemahiran Teknik Tongkat, Kemahiran Berjalan Tanpa Tongkat, dan Kemahiran Berjalan di Kawasan Luar

Kemahiran Orientasi dan Mobiliti mula diperkenal selepas tamatnya Perang Dunia Kedua dimana kemahiran berkaitan Orientasi dan Mobiliti mula dibangunkan dan diajar kepada veteren perang yang telah kehilangan penglihatan sewaktu peperangan. Menurut Bledsoe (1980), kemahiran Orientasi dan Mobiliti di ajar secara formal di Amerika Syarikat oleh sebuah organisasi yang bernama The Seeing Eye Inc.



Kemahiran Orientasi dan Mobiliti telah berkembang sehingga ke Asia tenggara dan khususnya Malaysia. Pada tahun 1986, sebuah badan bukan kerajaan iaitu Christoffel Blinden Mission (CBM) telah mengadakan kursus bersama Kementerian Pendidikan Malaysia di Pulau Pinang Selama 100 hari. Dalam kursus tersebut, banyak perkara telah diajar antaranya teknik pemandu celik dan Kemahiran Asas Tongkat Putih. Bermula daripada kursus tersebut, banyak kursus lain telah menyusul sehingga kini.





Dalam kajian ini, pengkaji akan memberikan tumpuan terhadap kemahiran teknik tongkat putih yang perlu dipelajari dan di kuasai oleh OKU penglihatan. Pengkaji telah memberi modifikasi terhadap kemahiran teknik tongkat putih berpandukan modul yang diterbitkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Pendidikan Khas (2013).

Tongkat putih dilihat sebagai alat bantuan mobiliti yang berkesan yang boleh digunakan dalam persekitaran yang pelbagai untuk mengenalpasti dan mengesan petunjuk. Tongkat putih berfungsi untuk mengesan objek atau halangan yang berada di atas laluan. Di samping itu, ia juga akan mengesan perubahan-perubahan yang berlaku di atas permukaan jalan sewaktu bergerak. Melalui pengesanan tersebut, mereka dapat mengenalpasti objek, cerunan, dimensi dan lokasi halangan. Tongkat putih akan mengesan halangan yang berada dalam jarak 3 kaki atau hampir 90cm. (Suterko : 1967).

Berkenaan kemahiran tongkat putih, terdapat beberapa teknik yang dilihat biasa digunakan oleh OKU penglihatan antaranya teknik sentuh dua tempat (*two point touch technique*) dan teknik sentuh dan gelongsor (*touch and slide technique*). Namun, terdapat lagi beberapa lagi teknik lain yang boleh digunakan oleh OKU penglihatan untuk memaksimumkan keselamatan mereka contohnya seperti teknik sentuh dan gelongsor (*touch and slide technique*), teknik sentuh tiga tempat (*three point touch technique*) dan pelbagai lagi.





1.3 Penyataan Masalah

Bahagian ini menjelaskan masalah atau kelemahan yang berkaitan dengan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Orientasi dan Mobiliti yang diterbitkan oleh Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2013. Dalam modul yang diterbitkan, terdapat empat bidang yang akan diajar kepada OKU penglihatan iaitu bidang 1, Pengenalan Orientasi dan Mobiliti, bidang 2, Keperluan Orientasi dan Mobiliti, bidang 3, Kemahiran Asas Pratongkat dan bidang 4 ialah Tongkat Putih.



Dalam kajian ini, pengkhususan kajian hanya tertumpu kepada kemahiran teknik tongkat putih sahaja. Dalam modul yang telah dibangunkan oleh Bahagian Pendidikan Khas, pengkaji telah melalui beberapa kekangan dan masalah semasa menggunakananya. Pertamanya, Modul tersebut hanya menyatakan tentang teknik penggunaan tongkat putih namun tidak diterangkan secara mendalam tentang cara penggunaan teknik serta tempat-tempat yang sesuai untuk mengaplikasi teknik tongkat putih.

Pengkaji berpeluang bertemu bual dengan beberapa orang guru yang mengajar kemahiran Orientasi dan Mobiliti antaranya En.Arman Sani yang merupakan seorang pensyarah di Maktab Perguruan Ilmu Khas (MPIK) Setapak dan berbincang mengenai





modul yang telah diterbitkan oleh Bahagian Pendidikan Khas. Beliau menyatakan bahawa modul yang diterbitkan agak sukar digunakan kerana terlalu ringkas dan tiada perincian tentang kemahiran teknik tongkat putih. Menurutnya lagi, beliau juga tidak menggunakan modul yang diterbitkan dan lebih suka menggunakan modul yang dihasilkan di luar negara. Namun, beliau perlu mengolah semula untuk diguna pakai di Malaysia.

Di samping itu, jika dirujuk di dalam modul tersebut, dapat dilihat bahawa teknik tongkat putih yang dinyatakan perlukan lebih penerangan yang jelas dan terperinci di samping perlu melihat persekitaran dengan lebih praktikal. Menurut Jacobson (1993), pengajaran Orientasi dan Mobiliti haruslah melihat persekitaran penempatan secara umum contohnya halangan-halangan yang ada dan sebagainya. Hal ini bagi mempersiapkan OKU penglihatan dengan dunia luar yang lebih mencabar. Merujuk kepada kenyataan ini, pengkaji berpendapat bahawa aktiviti pengajaran teknik tongkat putih haruslah merangkumi pelbagai aspek dan haruslah berorientasikan alam nyata secara praktikal.

Hal ini menjadi kelemahan terhadap modul tersebut apabila guru yang mengajar kemahiran Orientasi dan Mobiliti sukar untuk menerangkan dengan lebih jelas tentang cara penggunaan tongkat putih dan cara untuk mengaplikasikan teknik tongkat putih di tempat yang betul.





1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk melihat keberkesanan modul yang telah diberikan modifikasi. Modifikasi yang dilakukan merujuk kepada modul sedia ada yang telah dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Kajian ini juga menetapkan beberapa objektif yang ingin dicapai iaitu:

- i. Melakukan modifikasi terhadap Modul Pengajaran Teknik Tongkat Putih bagi mengukuhkan kemahiran Orientasi dan Mobiliti OKU Penglihatan.
- ii. Untuk melihat keberkesanan teknik-teknik yang telah diberikan modifikasi.
- iii. Untuk memberi panduan kepada guru tentang modul yang telah dimodifikasi.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini akan memberi fokus kepada beberapa persoalan berikut:

- i. Sejauh manakah guru dan murid dapat memahami modul yang telah di modifikasi?





- ii. Sejauh manakah teknik tongkat yang dinyatakan mampu di aplikasi sepenuhnya untuk tempat yang digambarkan?
- iii. Sejauh manakah modifikasi teknik tongkat putih dapat membantu OKU penglihatan dalam aspek Orientasi dan Mobiliti?
- iv. Sejauh manakah modifikasi modul teknik tongkat putih dapat meningkatkan konsep kendiri OKU penglihatan?



Rajah 1.1 menunjukkan ilustrasi kerangka konseptual kajian yang menjadi asas di dalam kajian ini. Dalam kajian ini, pengkaji cuba membuat modifikasi terhadap modul Orientasi dan Mobiliti yang telah diterbitkan oleh Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia. Modifikasi ini hanya melibatkan kemahiran teknik tongkat putih sahaja. Pengkaji menumpukan terhadap kemahiran tersebut kerana ia merupakan aspek penting yang perlu di kuasai oleh OKU penglihatan.

Dalam kajian ini, beberapa orang guru telah dipilih bagi menguji modifikasi modul kemahiran teknik tongkat putih yang dilakukan. Beberapa kriteria telah






diletakkan bagi memilih guru yang akan menguji keberkesanan modifikasi modul tersebut iaitu beliau mestilah seorang guru pendidikan khas yang mengajar murid OKU penglihatan. Guru tersebut juga mestilah mempunyai pengalaman tiga hingga lima tahun mengajar. Pengalaman juga dikira aspek kerana ia lebih memudahkan guru tersebut untuk memahami modifikasi yang dilakukan.

Dalam kajian ini, pengkaji juga menyatakan hasil yang cuba dicapai. Pengkaji perkara yang ingin dicapai ialah guru dapat memahami modifikasi modul yang telah dilakukan. Di samping itu, pengkaji berharap agar guru dapat menerangkan dengan lebih jelas tentang kemahiran teknik tongkat putih kepada murid.





Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian



1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai signifikansinya yang tersendiri di samping dapat memberi sumbangan terhadap ilmu yang dikaji. Antara kepentingan yang dapat dinyatakan ialah:

- i. Kajian berkaitan Orientasi dan Mobiliti dilihat minimum dan terhad di Malaysia. Kajian yang dijalankan ini boleh dijadikan sebagai panduan kepada pengkaji lain.
- ii. Kajian ini juga boleh dijadikan panduan kepada tenaga pengajar khususnya guru pendidikan khas opsyen penglihatan, jurupulih terapi carakerja, serta badan bukan kerajaan (NGO) yang terlibat secara langsung dengan OKU penglihatan.
- iii. Selain itu, kajian dapat memberi sumbangan kepada OKU penglihatan dalam aspek meningkat dan mengukuhkan lagi keupayaan pergerakkan OKU penglihatan.
- iv. Sumbangan kajian ini juga boleh digunakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya Bahagian Pendidikan Khas bagi menyemak semula modul sedia ada dan melakukan modifikasi selari dengan perkembangan ilmu Orientasi dan Mobiliti masa kini.





1.8 Batasan Kajian

Terdapat beberapa batasan kajian yang dapat di kenalpasti dalam kajian ini.

1. Kajian ini hanya tertumpu pada sekolah rendah pendidikan khas bermasalah penglihatan yang berada di sekitar negeri Perak sahaja kerana pengkaji mempunyai masa dan modal yang terhad. Sampel dipilih menggunakan pensampelan purposif dimana dua orang guru yang mengajar murid OKU penglihatan akan diuji menggunakan modifikasi modul kemahiran tongkat putih yang telah dibina. Kaedah pensampelan ini digunakan bagi mendapatkan data yang lebih tepat dan bersesuaian dengan kajian yang dijalankan.

2. Kajian ini hanya terbatas kepada murid OKU penglihatan sahaja dan tidak merangkumi jenis OKU yang lain seperti OKU pekak bisu, masalah pembelajaran dan yang mengalami masalah fizikal.

1.9 Definisi Operasional

1.9.1 Modifikasi Modul

Modul ialah satu unit pengajaran dan pembelajaran yang membincangkan tentang sesuatu tajuk tertentu secara sistematik dan berurutan bagi memudahkan penguasaan





sesuatu unit pembelajaran dengan mudah dan tepat. Modul direka khas bagi memudahkan guru kerana ia akan menjadi panduan kepada guru untuk mengajar. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, modifikasi merujuk kepada proses mengubahsuai sesuatu supaya sesuai dengan keperluan yang dikehendaki. Modifikasi modul merujuk kepada pengubahsuaian modul yang telah dibangunkan bagi disesuaikan dengan sesuatu keadaan atau situasi. Dalam kajian ini, modifikasi modul yang dilakukan ialah modul yang di hasilkan oleh Bahagian Pendidikan Khas iaitu Modul Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Orientasi dan Mobiliti.

1.9.2 Teknik Tongkat Putih

Tongkat putih merupakan alat bantuan yang digunakan oleh OKU penglihatan untuk bergerak. Tongkat putih mempunayi cara penggunaannya yang tersendiri. Setiap teknik tongkat putih mempunyai fungsi dan peranannya yang tersendiri. Penggunaan teknik tongkat putih dengan baik mampu meningkatkan keselamatan dan keyakinan OKU penglihatan untuk bergerak di samping mengesan objek atau halangan yang berada di hadapan mereka.

1.9.3 Orientasi dan Mobiliti

Orientasi dan Mobiliti merupakan perkara yang berkaitan dengan pergerakan seseorang OKU penglihatan. Secara amnya, dalam konteks penglihatan dan juga kajian ini, orientasi bermaksud penggunaan deria yang masih ada pada seseorang OKU





penglihatan untuk mengetahui apa yang ada di sekelilingnya. Mobiliti pula merujuk kepada pergerakan OKU penglihatan dari satu destinasi ke destinasi yang dengan selamat di samping menggunakan teknik yang efektif.

1.9.4 OKU Penglihatan

Menurut Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), di dalam Akta Orang Kurang Upaya 2008, OKU termasuklah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat. Dalam kajian ini, OKU penglihatan merujuk kepada individu yang mempunyai masalah atau kecacatan pada matanya sama ada buta atau berpenglihatan terhad. Dalam kajian ini, OKU penglihatan merujuk kepada murid yang mengalami masalah penglihatan sama ada buta atau penglihatan terhad.

1.10 Rumusan

Secara umumnya, bab ini membincangkan tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan teknik penggunaan tongkat putih dalam kalangan OKU penglihatan, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kerangka teoritikal, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operasional.





Seterusnya, dalam bab ini juga, pengkaji membincangkan tentang isu-isu yang dihadapi oleh OKU penglihatan sewaktu menggunakan tongkat. Terdapat beberapa isu yang timbul sewaktu OKU penglihatan bergerak dari satu destinasi ke destinasi yang lain dengan menggunakan tongkat dan masalah tersebut juga menjadi tunjang kepada kajian yang dijalankan.

Kajian ini juga dilihat mempunyai signifikasinya yang tersendiri dimana kajian seperti ini sukar untuk di dapati di Malaysia. Kajian ini boleh dijadikan panduan untuk kajian yang akan datang kerana perkara berkaitan Orientasi dan Mobiliti OKU penglihatan masih lagi dilihat minima di Malaysia. Di samping itu, kajian ini juga boleh dijadikan rujukan kepada pelbagai pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam proses pembangunan OKU penglihatan.

